

<p>Muamad om i Puamad (1) Tinangon di Ruminting Jailin Kg. Sinogindai 2012 Tinulis di Rosnah Nain</p>	<p>Muamad dan Puamad (1) Diceritakan oleh Ruminting Jailin Kg. Sinogindai 2012 Terjemahan Melayu: Rosnah Nain 2013</p>	<p>Muamad and Puamad (1) Told by Ruminting Jailin Kg. Sinogindai Village 2012 English: Nelleke & James Johansson 2013</p>
<p>Waro no ka ka dilo, piasawo no di Dayang om i Raja. Om kopisasawo, kesaan, koduwaan, kotoluwan, kapatan, kolimaan, kaanaman kaka dilo. Nasampot po kumoturu om milom ara'at i rasa di Dayang. "Yoku po ot ara'at o rasa," ka, om noliyot. "Yoku po noliyot," ka. Sumpakon, liyaban tapi, agayaan no diino i Dayang. Adi, agayaan po ka keelo om soro-kosusuwo no. Soro-kosusuwo po kam nosusu. Om kosusu nga kusay ot tanak. Soromoon-i dogima kabarasan ilo om kosusu nga minitilombus-i sid tana dot aso taap dot tontok tu daagan do kaawasi dit tanak.</p> <p>Adi, iri diri it tanak, mad-i-ko kikiyapan-i i koyuwan dot sumurut, adarakan-i ot kobinsurut. Agagayo no dino beeri it tanak, minonontiyon no kawagu i Dayang. Om kosusu nga kusay-i.</p> <p>Moyo po dit agagayo no dino it duwo koyuwan it tanak om, milo-om tinumogom i Raja ka. Dot i Raja balaay diri, kiwaro ot tayaaya yo ot tombolog. Ngaran nopo dit</p>	<p>Pada suatu ketika dahulu, berkahwinlah Raja dengan Tuan Puteri. Selepas mereka berkahwin, hari pertama, hari kedua, hari ketiga, hari keempat, hari kelima dan hari keenam kononnya. Bila genap hari yang ketujuh, tiba-tiba Permaisuri merasa tidak sihat. "Apabila saya tidak sihat," kata Tuan Puteri, "haidnya pun tidak datang pula." Na, bila sudah tidak datang haid, diapun kemudian mengandung. Setelah mengandung, tidak lama kemudian, dia pun sarat, dan hanya menunggu hari sahaja lagi. Dan tidak lama kemudian Tuan Puteri itupun bersalin. Apabila sudah bersalin, mereka mendapat seorang putera. Akan tetapi, pada waktu putera itu lahir, dengan tidak semena-mena putera itu terus jatuh ke bawah kerana tiada atap di atasnya, akibat terlalu tampan.</p> <p>Berkenaan dengan putera itu, bagaikan dikipas-kipas pula ia membesar, terlalu cepat membesar. Apabila putera itu sudah agak besar sedikit, Permaisuri itu mengandung lagi. Dan bila Permaisuri itu sudah bersalin, seorang lagi putera dilahirkan.</p> <p>Apabila kedua-dua putera itu sudah besar sedikit, tiba-tiba Sang Raja jatuh sakit. Padahal Raja itu kononnya mempunyai sejenis burung kesayangan. Burung itu adalah 'Sarang Kabayu'. Lalu, Raja itu</p>	<p>Once upon a time, a Princess and a King got married. After they had gotten married, the first day passed, the second, the third, the fourth, the fifth, and the sixth. Right on the seventh day the Queen felt sick. "I feel sick and my period has not come," she said. Then she was three months along, then she was showing, and her stomach began to expand more. So when she had gotten bigger, she was near to giving birth. The she gave birth. When she had given birth, her child was a boy. As for that child, he was so good looking that his glory burned the roof over him and the floor under him, so that he fell straight to the ground upon birth.</p> <p>As for the child, he grew like a fanned flame; he grew very fast. When he was already bigger, the Queen got pregnant again. When she had given birth it was also a boy.</p> <p>When both children had grown some, suddenly the King got a fever. Now the King had a pet bird. The type of the bird was called 'Sarang Kabayu'. So the King said, "Queen, should I begin</p>

<p>tombolog nga ‘Sarang Kabayu,’ ka. Adi ka dit Raja, “Dii po oy Dayang om ino nopo, ong sumagayan at ara'at ah rasa ku dilo om matay oku, nga totontuon nu no yo-Oto momiara, om at tombolog ku, okon-i-ko mangan patayo,” ka di Raja. “Ay, oo,” ka dit Dayang. Naa, noboros peeri di Raja, amu-i oloed om minatay no. Minatay no peet Raja diri, naa, totolu po koyuwan dino yotilo.</p> <p>Adi warot sontoon ot kinapatayan dit Raja, waro no oh minanansawo di Dayang ka. Raja-i Raja o minanansawo. Ay, ong i kopisasawo kabarasan, adarakan-i o kaasamod dit Raja dit tanak. Moyo po dit ongo sominggu, duwo minggu no ot kinopisasawaan om, sumimban no dino it bubuatan dit Raja, amu no bânar asamod. Aa-nong it ongo sombulan no, milom minomoros kabarasan dot, “Dii poy Dayang om, tunuway po at tombolog dilo tu eengin oku mangakan,” ka dit Raja. “Ay, dii poy Raja om naar, mokimaap oku dikaw dino tu, ilo nopo dilo tayaaya dit Raja, iri no ot minaan pokowiliyo dit tantad do matay, amu mangakun do patayo at tombolog ‘tu aaku koyuu, yogol ku do Oto,’ ka dit Raja,” ka dit Dayang.</p> <p>“Ay, amu, tunuway-i,” ka, “Nunu po ma mangan nu podulio dino dot minatay no it Raja?” ka.</p> <p>Pagka tu suwab-suwab nopo nga iri no boboroson di</p>	<p>berkata, “Wahai Adindaku Tuan Puteri, seandainya penyakit beta ini akan bertambah tenat dan beta akan mangkat, peliharalah betul-betul Anakanda kita, dan burung itu, jangan sekali-kali Adinda bunuh,” titah sang Raja. “Baiklah Kakanda,” jawab Tuan Puteri. Setelah sang Raja mengucapkan kata-kata itu, tidak lama kemudian, dia pun mangkat. Setelah sang Raja itu mangkat, mereka tinggal bertiga sahaja lagi.</p> <p>Kira-kira setahun lamanya, Raja itu mangkat, datang pula seorang Raja yang lain mengahwini Tuan Puteri itu. Ketika masih baru lagi perkahwinan mereka, bukan main lagi sayangnya Raja itu kepada anak-anak Tuan Puteri. Akan tetapi, bila sudah seminggu dua mereka berkahwin, perangai Raja yang baru itu semakin berubah, dia tidak lagi berapa sayang. Apalagi bila sudah mencecah sebulan perkahwinan meraka, tiba-tiba Raja itu berkata, “Wahai Tuan Puteri, sembelihkan burung itu, beta teringin sangat memakannya,” kata Raja. “Aduhai Raja, beta minta maaf sangat-sangat, sebab, burung itu adalah burung peliharaan arwah Raja dahulu, dan hal itulah yang telah diwasiatkannya sebelum dia menghembuskan nafasnya yang terakhir, dia tidak setuju jika burung itu dibunuh, ‘sebab saya sangat sayang, dan saya tinggalkan kepada Anakanda beta’, kata Raja,” kata Tuan Puteri.</p> <p>“Ah, tidak, sembelihkan,” kata Raja. “Kau peduli apa, ‘kan Raja itu sudah mangkat,” katanya.</p> <p>Oleh kerana, setiap hari sahaja Raja itu mengatakan hal yang</p>	<p>to feel worse and worse and then die, make sure you care for our sons and my bird; don’t kill it.”</p> <p>“All right,” said the Queen. Not too long after he had spoken those words the King died. With the King dead, there was only the three of them left.</p> <p>About a year after the King had died, someone married the Queen, and he was also a king. When they got married, the King loved the children immensely. After a week and two weeks from getting married, the King’s behavior changed and he wasn’t so loving anymore towards the children. How much more so after a month, he said suddenly, “My Queen, please roast that bird, because I would like to eat it. “But Sire,” said the Queen, “I beg you pardon, but that was the pet of the King, before his Majesty died this is what he willed, he would not allow us to kill the bird, ‘because I love it, I bequeath it to our son,’ said the King.”</p> <p>“Oh no, roast it anyway,” he said, “What do the King’s wishes mean now that he is dead?” he said.</p> <p>Since the King would say this over and over again every day,</p>
--	---	---

<p>Raja, moyo po dit kaanaman no it Raja mamajal dit Dayang om, moyo po dit sid koturu it tadlaw, baru nogi om notunuwan di Dayang. Notunuwan iri, onsoko no d̄ino. Naansak-i, loowo no di Dayang i Raja, “Akano no oy Raja, naansak no tit tombolog,” ka dit Dayang. “O, kada po, momodsu oku po om pototomison po, paatago po sino,” ka dit Raja.</p> <p>Naa, it tanak dit duwo koyuwan diri, i Muamad om i Puamad, aa elaan ong songo pinakaayan tu aso siri dit tiya dit minionunu it Dayang. Naansak it tombolog diri, nokooli no it duwo koyuwan it tanak. Asal nokooli, minindakod, minooy sid ropuan, minogium do takanon. Aso-i ot nokito ot takanon, iri no it tombolog. Kokitanay dot iri ot rinapa, gugumu dit tonsi dit tombolog ko minaan akano, tatad minangan onuwo it tulu om it tunduundu. Puruto di Muamad it tulu dit tombolog, modtuuy tolono. Onuwo no di Puamad it tunduundu dit tombolog, modtuuy tolono, aa-no minangan kunamo. Adi naakan iri, ba elaan nobo ot tanganak tu maap̄anaw, minindoo no keembagu.</p> <p>Adi, it Raja nga nopongo d̄ino do modsu, loowo no di Raja i Dayang, “O Dayang, onuwo no dino ket tombolog, kalu ong natamis neeri, mangakan oku po d̄ino,” ka dit Raja. Mangay no bo dit Dayang rawato iri, paatako no</p>	<p>demikian, bila sudah enam hari Raja itu memaksa Tuan Puteri, maka ketika tiba pada hari yang ketujuh, Tuan Puteri pun lalu menyembelih burung itu. Setelah burung itu disembelih, Tuan Puteri pun lalu memasaknya. Setelah masak, Tuan Puteri pun memanggil Raja, “Raja makanlah, burung itu sudah masak,” katanya. “Baiklah, tunggu sekejap, beta mandi dahulu dan sejukkannya dahulu. Kau simpanlah di sana,” kata Raja.</p> <p>Sementara itu, anak yang dua orang itu, iaitu Muamad dan Puamad, tidak tahu pergi ke mana, kerana mereka tidak ada di sana ketika burung itu disembelih. Selepas burung itu sudah dimasak, barulah kedua-dua orang anak itu pulang. Setelah mereka pulang, mereka terus naik dan pergi ke dapur dan mencari makanan. Akan tetapi, mereka tidak menjumpai makanan, kecuali burung itu sahaja. Apabila mereka melihat bahawa itu adalah lauk, sebanyak-banyak daging burung itu, mereka tidak mengambilnya, tapi mengambil pula kepala dan jantungnya. Muamad mengambil kepala dan terus menelannya. Puamad pula mengambil jantung dan terus menelannya tanpa mengunyahnya. Setelah mereka menelan kepala dan jantung burung itu, mereka turun semula ke tanah. Kanak-kanaklah katakan.</p> <p>Sementara Raja itu pula sudah selesai mandi, dan lalu memanggil Tuan Puteri, “Wahai Tuan Puteri, cuba ambilkan burung itu, sudah sejuk agaknya ‘tu, beta makan dahulu,” kata Raja. Tuan Puteri pun segera menghidangkannya untuk Raja. Akan tetapi, apabila Raja mengambil dan</p>	<p>when it came to the sixth day of him pressuring her and then the seventh the Queen gave in to the demands and roasted it. After burning off the feathers she cooked it. When it was cooked, she called the King, “Sire, come eat, the bird is cooked,” said the Queen. “Hold on, I am going to bathe first and let it cool down, put away over there,” said the King.</p> <p>Meanwhile, as for the two children, Muamad and Puamad, who knows where they went, because they were not there when Queen roasted the bird. When the bird was cooked, the two children came home. As soon as they came home, they went up and went into the kitchen looking for food. What they spotted was none other than the bird. When they had noticed that that was the meat, however much meat of the bird they could have eaten, they just took its head and its heart. Muamad took the head of the bird with his fingers and swallowed it straightaway. Then Puamad took the heart of the bird, and swallowed it straightaway; they didn’t chew them. After having eaten, well, you know how children are, always roaming about, they went down out the house again.</p> <p>As for the King, when he was done bathing, he called the Queen, “Queen, get me that bird, maybe it has cooled down by now, I want to eat it now.” So the Queen served him, giving it to him. The King took it and noticed that something was missing, and</p>
--	--	---

sid Raja. Onuwo di Raja, om intangay nga waro ot neenoy, “Nunga oy Dayang, isay minangakan diti tu neenayan?” ka dit Raja. “Taaw pogi, aaku-i yoku nakaakan,” ka dit Dayang. “O nga, neenayan tit tombolog, aaku no diti mangakan tu neenayan,” ka, “Mogot po dot neenayan ong at tongo tonsi po nga it tulu om it tunduundu ot aso siti dot iri no ot kenginan ku mangakan,” ka dit Raja. “Ba, kuoyon po ka dino oy Raja ong neenayan no, nga pagka tu waro po beeno o noolu, akano po not noolu dino, ogumu peeno,” ka dit Dayang. “Ay amu, aaku no dino mangakan,” ka.

Adi, rinumasang no dino. Kooli it duwo koyuwan it tanak, om duato no, “Isay ot minangakan?” ka dit Raja. “Aa-koy-i nakaakan,” ka dit duwo koyuwan. “Amu, ikowu iri, koyo duyu olimo,” ka, “Nga beenoy, bobogon teekowu,” ka. Om kinamay mimbôbobog kabarsan iri nga sampay orukung no i duwo koyuwan. Pagka tu, aa-i tingkadan do momobog, “Ay, dii po oy Maman om, koyo okoy no dikaw bobogo, tu ontok ko yokoy di adi diti, mogidu okoy-i siti,” ka. Om onuwo no kabarsan it tongo sosokot yo, porumpungo no, posuwango no dot basung, pabpanaw no ka.

Ombo gisom dot napanaw om notuwangan no, naa siri no ot ningkoyodon. Waro

melihatnya, “Alahai Tuan Puteri, siapa yang telah memakannya ‘ni sehingga ia berkurang?” titah Raja. “Entahlah, Adinda tiada memakannya pula,” jawab Tuan Puteri. “Ya, tapi burung ini ada yang terkurang, beta tidak mahu memakannya lagi, sebab ia sudah berkurang,” kata Raja. “Kalau hanya daging-dagingnya sahaja yang tiada, tak apa juga, tapi kepala dan jantung pula yang tiada, padahal benda itulah yang beta mahu makan,” titah Raja. “Apa boleh buatlah Raja, walaupun terkurang, tapi, oleh kerana masih ada lagi yang tertinggal, makanlah dahulu mana yang ada. Masih banyak lagi tu,” kata Tuan Puteri. “Ah, tidak! Beta tidak mahu makannya lagi,” kata Raja.

Raja itu menjadi berang sekali. Sepulangnya kedua-dua orang Anakanda itu, Raja segera bertanya, “Siapa yang telah memakannya?” bentak Raja. “Kami tiada memakannya,” jawab kedua-dua orang anak itu. “Tidak! Kamulah yang memakannya, jangan kamu sangkal lagi,” kata Raja. “Hari ini saya akan pukul kamu,” katanya lagi, dan terus memukul kedua-dua orang Anakanda Tuan Puteri, sehingga kedua-duanya menjadi lemah. Oleh kerana Raja tidak berhenti memukul mereka, “Ampun tuanku Pakcik Raja, jangan lagi pakcik memukul kami, sebab berkenaan dengan kami si Adinda ni, kami akan pergi dari sini,” pinta anak yang sulung. Dan dengan tidak berlengah, mereka terus mengambil pakaian mereka dan memasukkannya ke dalam sejenis bakul dan segera pergi dari situ.

Mereka berdua berjalan setakat yang mereka mampu, sehingga hari gelap, dan di situlah mereka berhenti.

said, “What in the world Queen, who has eaten this so that part of it is missing?” “I don’t know, I did not eat it,” said the Queen. “Yes but part of this bird is missing, I don’t want to eat it because part of it is gone,” he said. “It wouldn’t have been so bad if some of the meat has been taken, but the head and heart are missing and that is precisely what I wanted to eat.” The Queen answered, “Well, what can you do about it, Majesty, if part of it is missing? Still, since there is still some left, just eat what is left; there is still a lot of meat.” “Oh no, I’m not going to eat it now,” he said.

So he got angry. When the two children came home he asked them, “Who has eaten the bird?” “We have not eaten it,” said the two. “It was you; don’t deny it,” he said, “this time I’m going to give you a beating.” And he kept beating them until the two were worn out. Since he still did not quit beating, they said, “Please Uncle, don’t beat us, because we will run away from here.” And they took their clothes, gathered them, put them in a bark basket, and left.

They walked as far as they could and only stopped when they were benighted. They stopped

<p>kabarasan ot agaâagayo ot kayu sid tanga dot timbaan naajangan di minabpanaw. Pagka om otuwong no, “Dii poy adi om, matay do miyaw kito nga siti kito no mingkoyod tu lumombus nga kuoyon mabpanaw dot otuwong, Baa modop kito po siti,” ka di Muamad. “Oo,” ka di Puamad. Naa, minodop no beeri siri. Nga i Muamad, amu po nookodop, i Puamad nokoodop no, it tootori tu okoôokodok po.</p> <p>Mooyo po kabarasan dit tanga sodoy om, waro no ot orongow di Muamad. “Ay, nunu dine no? Beenoy ong kalaga siti ino, naa matay okoy nogi dino di adi,” ka. Aa-i owudut, aa-po leleed om kalaga kabarasan iri nga, okon-i-ko nunu, godingan. Madaada kabarasan i Muamad diri dot minangan gopuso i Puamad dit mingodop. Asal nokoontok sid puun dit kayu, miningkoyod no ka, om milom minomoros dot, “Dii poy anak-anak om, sako ad solot ku,” ka dit Godingan. “Ay naa, kada po, posikay ku po Yadi,” ka di Muamad. “Ay, koyo no mangay posikay tu kodung ong mangan nu po posikay Yadi nu dino, akanon teekowu,” ka dit Godingan.</p> <p>“Ba, osusa iti,” ka dit ginawo di Muamad. “Aaku sumako, akanon oku. Sumako oku, Yadi osian, eeduan. Isay po dino ot koruang di Adi?” ka di ginawo di Muamad. Oleleed-i beeri tu mongitung dit aa-i oowit it tobponee yo nga, “Kada no mialung-alung,</p>	<p>Mereka telah menjumpai sebatang pokok yang sangat besar di dalam hutan ketika mereka sedang berjalan. Oleh kerana hari sudah gelap, “Wahai Adindaku, mati ataupun hidup, di sinilah kita berhenti, sebab nak meneruskan perjalanan pun hari sudah gelap. Dengan itu, kita tidur dulu di sini,” kata Muamad. “Baiklah,” kata Puamad. Merekapun tidurlah di situ. Tapi Muamad masih belum tidur, sementara Puamad pula sudahpun tertidur, kerana dia lebih kecil berbanding dengan Muamad.</p> <p>Pada waktu tengah malam kononnya, terdengarlah oleh Muamad satu bunyi. “Aik, apalah agaknya tu? Hari ini kalau ia datang ke mari, alamatnya matilah kami dengan si adik,” kata Muamad. Sangkaannya tepat, kerana tidak lama kemudian muncullah benda itu di depan Muamad, dan tidak lain dan tidak bukan ia adalah seekor gajah. Muamad berdiam sahaja sambil memeluk adiknya Puamad yang sedang tidur. Apabila gajah itu sampai dekat dengan pohon kayu itu, ia terus berhenti dan kemudian berkata, “Wahai anak-anak, naik ke belakang saya,” kata sang Gajah. “Tunggu sekejap, saya kejutkan dulu adik saya,” kata Muamad. “Janganlah kau kejutkan dia. Kalau kau kejutkan juga, saya akan makan kamu,” kata sang Gajah.</p> <p>“Aduh, susahnya,” kata Muamad dalam hatinya, “Kalau saya tidak naik, saya akan dimakan. Kalau saya naik, kasihan si adik, tertinggal. Siapa lagi kawan si adik?” kata hati Muamad. Agak lama juga Muamad berfikir tentang adiknya yang ditinggalkan, “Jangan berlengah lagi, cepatlah, nanti saya makan kau,” kata sang Gajah.</p>	<p>near a large tree in the middle of the jungle. Since it had gotten dark, Muamad said, “Whether we will live or die, let’s stop here, because how can we continue walking in the dark, so let’s sleep here.” “All right,” said Puamad. So they slept there. But Muamad had not yet fallen asleep, while Puamad had already fallen asleep. Being the youngest he was still small.</p> <p>Around midnight Muamad heard something. “Hey, what is that? If it reaches us today we will die,” he said. And sure enough, not much later it reached them and it was nothing other than an elephant. Muamad kept quiet, embracing Puamad who was still sleeping. When it got to the tree it stopped and suddenly spoke, “Child, get on my back,” said the elephant. “Hold on, let me first wake up my younger brother,” said Muamad. “Don’t wake up your brother because if you do I will eat you both,” said the elephant.</p> <p>“Oh-oh, this is a quandary,” said Muamad to himself. If I do not get on, I will get eaten. If I get on, I pity my brother, he will be left behind. Who else is my companion but my brother?” After he had thought for a long time about not bringing his brother along, the elephant said,</p>
--	--	---

lalangkasai tu akanon teekowu,” ka dit Godingan.

Boboyo-i di Muamad, sako-i. Kadung nakasako iri, pabpanaw no it Godingan. Adi, i Muamad diri mogium no d̄fino dot takal dot okukuro ot kototolunung di Puamad doo, sid pinakaayan yo. Adi, kikiwa nopo om kiniso no i baju dot tongo-kokoodok, irawus-irawus it kikinis. Naawi i baju do monginginis, oluso it soruway yo, kiniso no. Naa naawi peeri, aso no d̄fino.

Adi, i Puamad diri, nokokikibus it Godingan, nakapapanaw, noposik no. Om koposik, monongkuawor tu, baa mogigintong nga songo ma ot okito dot otuwong, sodoy, sid timbaan po d̄fino.

Monongkuawor sid miampapaping dit nodopon yo, minsosolili dit kayu nga aso-i. Boboyo-i ponginloow nga aso-i ot sumambut. “Ay ba, songo d̄fino Yaka diri?” ka. Ampo leled om nanawaw no d̄fino, nosuwab no, pililimpanaw no d̄fino sid minsolili dit niyonon yo dot meed dot monginloow nga, aso-i ot sumambut. Iri no ot nokito, waya om it kikinis dit baju. “Ay diiy obo, osisian no Yaka diri, minaan balaay akano dot dudupot iri. Amu elaan ong nunu songdudupot iti?” ka. Asasambat di Puamad it kikinis dit baju, puruton om mangan iaday, dot monong-“Osisian neeri Yaka,” ka.

Adi, minabpanaw-i d̄fino, kesaan, koduwaan, kotoluwan,

Mahu tidak mahu, Muamad terpaksa juga naik. Apabila Muamad sudah naik, sang Gajah pun terus berjalan. Sementara Muamad pula, dia mencari idea tentang bagaimana caranya supaya adiknya Puamad dapat menjekainya nanti. Dengan tidak berfikir panjang, Muamad mencabik-cabik bajunya dan menjatuhkan satu demi satu sehingga habis. Apabila bajunya sudah habis, ditanggalkannya pula seluarnya dan mencabiknya. Setelah pakaianya habis dicabiknya, tiada sudah lagi.

Sementara Puamad pula, belum berapa lama Gajah itu pergi membawa abangnya Muamad, diapun tersedar dari tidurnya. Apabila dia tersedar, dan meraba-raba, sebab melihatpun tiada apa yang dapat dilihat di tengah-tengah kegelapan malam, dalam hutan lagi pula tu. Dia meraba-raba di kiri kanannya, bahkan di sekeliling pohon itu, namun tiada apa yang dapat di rabanya. Dengan itu, dia memanggil, tapi panggilannya tidak bersahut. “Aik, ke mana agaknya si abang tu?” tanyanya seorang diri. Tidak lama kemudian haripun siang, dia lalu berjalan-jalan di sekelilingnya sambil memanggil-manggil, tapi tiada juga yang menyahut. Hanya yang dia jumpa, tapak kaki binatang dan cebisan baju. “Alamak, kasihan sangatlah dengan si abang tu, rupanya dia telah dimakan oleh binatang. Entah binatang apa agaknya tu?” katanya. Bila Puamad berjumpa dengan cebisan baju, dia segera mengambilnya dan menangisinya sambil berkata, “Kasihan sangat dengan si abang,” katanya.

Puamad terus berjalan, dari hari pertama, hari kedua, hari ketiga, hari

“Don’t delay, hurry up or I will eat you both.”

Muamad decided to mount the elephant. As soon as he had mounted it, the elephant set off. So then Muamad tried to come up with an idea for Puamad to find the way to him, wherever he was going. So he tore his entire shirt into small pieces and scattered them along the way. When he had finished off the scraps from his shirt he took off his pants and tore them up. When the scraps from his pants were gone he had nothing left.

Meanwhile, when the elephant had left and disappeared, Puamad woke up. When he began to grope around, because if you try to look in the dark you can’t see, and it was both night and under the jungle canopy. So he groped around at both sides of his sleeping place, and around the tree, but he couldn’t find his brother. He began to call but no one answered. “Where did my brother go?” he said. Not much later it became light, the next day had arrived, and he walked around the place where they stayed while calling his brother but no one answered. The only thing he saw was the animal tracks and the torn scraps of the shirt. “My poor brother, he has been eaten by an animal. Who knows what animal it was?” he said. Puamad came across the torn scraps of the shirt, and he picked them up and cried, saying, “My poor brother.”

So he started walking from the first day, the second, the third, the

<p>kaapatan, kolimaan, kaanaman ka dot maapanaw no, sodoy-adlaw nga maapaanaw, aa no mingkoyod. Moyo po dit sid koturu om, waro ot nasambat dot sungoy. Om pabpanaw, nokowuwugus, waro ot torongow dot oguriyok, dot masam-ko midaawa.</p> <p>“Ba, isay dine no? Awasi ong silo Yaka diri,” ka di Puamad. Alalaangkas no dot tumoronong, om kalaga siri om intangay nga, sombo ka siri, aso-i. Waro ong waro ot tulun nga okon-i-ko it tobponee yo, tulun susuway. Om kalaga, om duato ong nunu ot niguguriyok, “Nunu ot nikoguriyok duyu dino, nunu ot pisolodon duyu?” ka di Puamad. “Ay, yalo ilo, monolod tit kungkung ku,” ka dit tiso. “Kungkung? Nunu o guna dot tongo kukungkung om sampay mipatay kow dot misolod?” ka di Puamad. “Haay, dikaw oy ambaya, elaan nu ka tit kungkung diti, iti kungkung diti okon-i-ko kungkung dot biasa, iti nopo tit kungkung diti nga kungkung dot tinungkusan,” ka dit tulun. “Pagka tu kungkung dot tinungkusan, nunu o guna?” ka di Puamad. “Ay, ki-guna iti,” ka. “Iti nopo tit kungkung dit ong mangan sakaay om boroson dot, ‘Kayo ungkung tumulud,’ ka, sosongo-i ot pakaayan nu, atawpun, boroson nu dot, ‘Muli kito sid walay,’ ka, oboros nu peeno om sumako koh, soori no tinumulud,” ka dit tulun. “Ng, mogkorootan, aaku-i yoku mangangasi dino ong kon-i-ko</p>	<p>keempat, hari kelima, dan hari keenam kononnya dia meredah hutan, tanpa berhenti. Bila tiba pada hari yang ketujuh, dia bertemu dengan sebatang sungai, dan segera menyusuri sungai itu. Belum pun berapa jauh dia menyusuri sungai itu, dia terdengar pula suara orang bising, seperti bertengkar.</p> <p>“Siapa agaknya orang itu, alangkah baiknya kalau si abang ada di sana?” kata Puamad. Dengan cepat dia mendekati tempat itu, bila sampai di sana, dan melihatnya, abangnya tidak ada di situ. Adapun orang di sana, tapi orang lain, dan bukan abangnya. Bila dia sudah sampai dia segera menanyakan apa yang dibisingkan, “Kenapa kamu bising, kamu berebut apa?” tanya Puamad. “Dialah tu, dia mahu merebut kulit saya,” kata yang satu. “Kulit? Apa kegunaan kulit itu sehingga kamu berbunuhan untuk berebut?” tanya Puamad. “Aik, kau ini kawan. Kau tahukah kulit ini, ini bukan kulit sembarangan, kulit ini adalah kulit pusaka,” kata yang seorang lagi. “Ok, oleh kerana ia adalah kulit pusaka, apa kegunaannya?” tanya Puamad. “Ini sangat berguna,” kata orang itu, “Kulit ini, kalau kau naik ke atasnya dan kau katakan, ‘Mari kulit terbang’, ke mana pun engkau tuju, ataupun jika kau cakap ‘Mari kita pulang ke rumah’, bila kau sudah mengatakan demikian dan segera naik ke atasnya, dia akan segera terbang,” kata orang itu. “Hm, merepek, saya tidak percaya jika saya tiada mencubanya, kalau saya sudah mencubanya, barulah. Cuba pinjamkan kepada saya, saya mahu mencubanya,” kata Puamad. Orang itu segera memberikan kepada Puamad, “Baiklah, tapi janganlah kawan pergi jauh-jauh ya, di situ saja,” kata orang</p>	<p>fourth, the fifth, the sixth, he kept waking day and night without stopping. On the seventh day he came across a river, and followed it downstream. Then he heard the noise of a crowd, like people who were holding a trial.</p> <p>“Well, who is that? It would be great if my brother is there,” said Puamad. He quickly approached, but when he got there he saw that he was not there. There were people there but not his brother, other people. When he reached them, he asked them what the noisy talking was about, “What are you talking about so noisily, what are you fighting over?” said Puamad. “Him there, he wants to take my leather hide,” said the one. “A hide?” Are hides of so much use that you would fight over it until you kill each other?” asked Puamad. “Hey, Friend, do you know, this hide is no ordinary hide, it is an heirloom hide,” said the man. “Since it is an heirloom hide, of what use is it?” asked Puamad. “It is very useful,” he said. “As for this hide, if you sit on it and say ‘Come on hide, let’s fly,’ it will take you wherever you want to go, or, if you say, ‘Let’s go home’, as soon as you have spoken and gotten on it, off you go flying,” said the man. “Pfff, poppycock. I won’t believe it unless I have tried it myself, at least once. Please lend it to me, let me give it a try,” said Puamad. “All right, but don’t go far, okay? Just over there,” said the man. “Right, I won’t go far, no way</p>
--	---	---

<p>yoku ot koombal, sakali oombalan ku. Pooloso oku ka, umbalay ku po, yoku po,” ka di Puamad. Paatako no, “Oo nga, ino nopo oy ambaya, kada no minsodu ki, s̄iilo koh nopo,” ka dit tulun. “O bo, aaku-i osodu diti, sera ma dot mangan ku iti onuwo” ka di Puamad.</p> <p>Naa, onuwo no d̄iino di Puamad om saako no, “Ong babanar-i-ko tinungkusan koh oy kukungkung, tulud,” ka, “Owito oku tumulud, sosombo-i ot tubpoon nu,” ka di Puamad. Noboros peeri di Puamad dot tulud ka om, “Wuur,” ka dot soori no dot tinumulud, niwaya-i kabarsan dit duwo koyuwan it mato yo. Naa, nunu po d̄iino, minitongkiyad-i tu aso no ot pinisolod, kiduduwo nga aa-i nakaanu. Aso-i om aso ot nakaanu tu warot iso ot minanalaray.</p> <p>Naa, it kungkung diri, tatad-po dot tinubpoon balaay diri nga sid tuunon do Raja. Adi, nokotubpo-i it kungkung diri, orongow no di Puamad kabarsan dot oguriyok-i ot tulun. Ogugumu ot tulun. Kalaga siri, om pabpanaw i Puamad kabarsan nga aasok dot sagantang ot nophonu nopo dot tulun.</p> <p>“Diis oy ambaya, nunu ot mangan duyu diti tu, adarakan ot koogumu dikowu siti?” ka di Puamad. “Okon-i-ko nunu ot mangan ka nu dot, miiupakat okoy diti dot mongolungkab dot pampang tu notongkuban at talaga ya. Miowowoli okoy no diti dot mongolungkab nga, aa-</p>	<p>itu. “Baiklah, saya tidak akan pergi jauh ni. Takkanlah saya mengambilnya pula,” kata Puamad.</p> <p>Kemudian, Puamad pun mengambil kulit itu dan naik ke atasnya, “Kalau memang benar kau adalah kulit pusaka, terbanglah. Bawa saya terbang, ke mana saja kau mahu,” kata Puamad. Selesai saja Puamad mengucapkan ayat itu, kulit itu pun segera terbang dengan bunyi, “Wuur,” dan segera terbang jauh ke angkasa, apalagi kedua-dua orang itu mengikuti Puamad dan kulit yang terbang itu dengan mata mereka. Lalu, merekapun terus berpisah kerana tiada apa lagi yang direbutkan, kedua-duanya pun tidak dapat memiliki kulit itu, kerana ada seorang yang menyelesaikannya.</p> <p>Nah, sementara kulit itu pula, mendarat di suatu tempat, di mana tempat itu adalah tempat Raja bertamu. Setelah kulit itu mendarat, Puamad terdengar pula suara orang yang sangat bising. Ramai sekali orang di sana. Bila dia sampai di sana, dan berjalan-jalan di kawasan yang dipenuhi orang, yang kononnya kalau ditanam padi, boleh muat satu gantang.</p> <p>“Wahai kawan, apa yang kamu buat itu, terlalu banyak kamu di sini?” tanya Puamad. “Bukan apa yang kamu buat, kau cakap, kami ini berbincang untuk membuka batu yang menutupi perigi kami. Kami sudah berganti-ganti membukanya, tapi kami tidak dapat membukanya,” kata salah satu daripada orang di sana. “O ya,” kata</p>	<p>would I take this,” said Puamad.</p> <p>Puamad took it and got on and said, “If you are truly an heirloom hide, fly. Take me flying wherever you will land,” said Puamad. As soon as Puamad had told it to fly, “Whoosh,” it flew off, the eyes of the two men following it. As a result, the two men also separated because there was nothing anymore to fight over; neither of them got it. Neither of them would get it because someone settled it for them.</p> <p>As for the hide (flying carpet), it landed in a market/town used by kings. So, when the hide had landed, Puamad heard some noisy people. Many people. When he arrived, Puamad walked over there, and the place was packed with people for as large an area as a gallon of rice seeds being planted would cover.</p> <p>“Hey, friend, what are you all doing, there are so many people here?” said Puamad. “We are discussing how to remove the large rock that covers the well. We have all had our turn at trying to remove it but none of us was able,” said the people. “I see,” said Puamad.</p>
--	---	--

<p>ya-i olungkab,” ka dit tulun. “Doo,” ka di Puamad.</p> <p>Adi, tinumalib no d̄iino rinumikot sid walay. Kalaga sid walay, osodu po bo ararongan no dit katanganakan dot, “Maman, maman, uudiyo ot tulun,” ka. “Isay meelo tulun dilo tu aa-ya insan kokito?” ka dit katanganakan. “Ay, pendokodo duyu,” ka dit Raja. Minaan dino boroso. Nokeendakod, minangan no bo somungo dot keenggatan, om kosigupan. Nookeenggat, nokosigup-i,</p> <p>“Dii poy Oto om, songo pakaayan nu dino?” ka dit Raja. “Ay, asee beeti oy Maman, siti no siti iti,” ka di Puamad. “Okon-i bo nga, ong aso lombusan nu daraay, warot pokitulungon ku dikaw,” ka dit Raja. “Nu iri oy Maman,” ka di Puamad.</p> <p>“Ay, okon-i-ko nunu, mongolungkab dat pampang, tu koonom no beenoy iti dot aa-koy nakaakan tu asot panagaan,” ka. “Nokuro iri?” ka di Puamad. Om, “Notongkuban dot pampang at talaga, adi asot panagaan,” ka dit Raja. “Adi, ilo no beelo, mokitulung oku dot mongolungkab. Nga, isay-isay ot kolungkab dilo, tad ipasawo ku no Yugow,” ka.</p> <p>“Ay, iis oy Maman, kuoyon mongolungkab ino. Piro nogi koyuwan ka ot minongolungkab?” kam, “Tolu not pomogunan diti dot napanggil ku dot mangan ku</p>	<p>Puamad.</p> <p>Namun Puamad segera berlalu dari situ, dan menuju ke istana Raja. Sesampainya di istana Raja, ketika masih jauh lagi, kanak-kanak di sana menegurnya, “Pakcik, pakcik, ada orang di sana. Siapa agaknya orang itu, kami belum pernah lagi melihatnya?” kata kanak-kanak itu. “Aik, beri dia naik,” titah Raja. Kanak-kanak itupun pergi mempersilakan Puamad naik. Setelah Puamad naik, dia dihidangkan dengan rokok dan sirih pinang. Setelah Puamad selesai menghisap rokok dan makan pinang,</p> <p>“Wahai Anakanda, ke manakah gerangannya tujuan perjalanan Anakanda ini?” tanya sang Raja. “Tidak ke mana-mana, hanya di sini saja,” jawab Puamad. “Bukannya apa, kiranya Anakanda tidak punya destinasi yang jelas, ada satu perkara yang beta nak minta tolong dengan Anakanda,” kata Raja. “Apa dia, Pakcik?” tanya Puamad.</p> <p>“Bukan apa, membukakan batu yang menutupi perigi kami, sebab sudah enam hari kami tidak makan, kerana tiada tempat kami mengambil air,” kata Raja. “Kenapa pula?” tanya Puamad. “Perigi kami telah ditutupi dengan sebuah batu, jadi tiada tempat mengambil air. Itulah sebabnya, beta minta tolong untuk membukakannya. Siapa saja yang dapat membukakannya, beta akan kahwinkan dengan puteri beta,” kata Raja.</p> <p>“Bagaimanalah nak membukakannya tu. Berapa orang sudah yang cuba untuk membukanya?” tanya Puamad. “Sudah tiga buah kampung yang dipanggil, tapi tidak seorangpun yang</p>	<p>So, he passed by them and came near the house. When he neared the house, the children said, “Uncle, uncle, there is a person over there. Who is that person because we have never seen him before?” said the children. “Hey, invite him on up,” said the King. They told him to come up. When Puamad had come up into the house, they welcomed him with betelnut and tobacco. When he had chewed betelnut and had smoked, the King said,</p> <p>“Son, where are you going?” “Oh, nowhere in particular, uncle, just here,” said Puamad. “What I mean to say is if you don’t have anywhere to your continuing on to, I would like to ask for your help,” said the King. “What is it, uncle?” asked Puamad.</p> <p>“It’s no big deal really, we just want to remove a rock, because today is already the sixth day that we have not eaten because there is no place to fetch water. “Why is that?” said Puamad, and the King said, “The well is covered by a big rock, so there is no place to fetch water. So that’s the task, removing the rock. And whoever manages to remove it, will have the hand of my daughter in marriage.</p> <p>“But uncle, how can I remove it? How many people have already tried to remove it?” “I have already called three villages and told them to remove it, but no one was able,” he said. “Oh, how</p>
--	--	--

<p>pongolungkabo, nga asee ot kolungkab,” ka. “Ay oo, sampod po ka ong yoku ino oy Maman tu orurukung om adapat ku no mongolungkab,” ka di Puamad. “Nga, kayow ka, intangay ku po tu araat-i ot insan intangan nga amu, oondos-i-ko aa mangasip,” ka.</p> <p>Naa, mangay no d̄iino potuduko dit kouripanan, om kalaga, intangay di Puamad nga babanar-ko notutuban, aso no luwang. Kikiwa nopo om tiyuko no dit tangkakis, om maay posimbulo nga tinumanop-i it pampang, sorīi no dot nokosimbul, aa elaan ong sombo ot kinosondoton.</p> <p>Soromoon-i bo d̄iino iri kabarasan dot kotomon dit tongo tulun tu, nolungkab it pampang. Nokopibabala nopo dot muli sid walay dot mangaabar dit raja dot, “Maman, maman, nolungkab neet pampang,” ka. “Babanar peelo dot owowori neelot tulun dat nokolungkab dat pampang. Dot mialib-alib okoy no do ambaya nga aa dagay-i nolungkab. Songinan sangkayu ong yambaya nga nolungkab, nga owowori neelo ot tulun,” ka.</p> <p>“O, ba ong nolungkab, awasi no beeno ong nolungkab no,” ka dit Raja. “Pagka tu nakalandu oku no momoros dot ipasawo ku Yugow, naa apakay dot amu di Oto nga ipasawo ku Yugow,” ka. “Nga ino po om okon-i-ko siti Yugow, ong kosuut, naa, ino no tu asawo,” ka. “Tu Yugow nopo nga sitid tanga tit</p>	<p>berhasil membukanya,” titah Raja. “Aik, lebih-lebih lagi saya Pakcik, orang yang lemah dan memang tak dapat membuka batu tu,” kata Puamad. “Tapi, mari kita lihat dahulu, tidak baik kalau dilihatpun tidak, macam tidak percaya pula,” kata Puamad lagi.</p> <p>Lalu, hamba-hamba Raja pun pergi menunjukkan kepada Puamad. Setelah sampai, Puamad segera melihatnya, dan memang benar bahawa perigi itu telah ditutupi dengan sebuah batu yang tersangat besar. Dengan tidak semena-mena, Puamad menyisipkan jari kelingkingnya dan melambungkan batu itu sehingga batu itu hilang entah ke mana.</p> <p>Sementara orang-orang di sana pula merasa gembira yang tidak terhingga, sehingga semuanya berlanggaran pergi ke istana Raja untuk mengkabarkan hal itu, “Pakcik, pakcik, batu itu sudah dibukakan,” kata mereka. “Betullah, orang yang telah berjaya membukakan batu itu sangat hebat, sedangkan kami sudah berganti-ganti membukanya tapi kami tidak berjaya juga, tapi kalau si kawan itu, dia satu orang sajapun dapat membukakan batu itu,” kata mereka.</p> <p>“Baguslah kalau batu itu sudah dibukakan,” kata Raja. “Oleh kerana beta sudah berjajnji untuk mengahwinkannya dengan puteri beta, maka, sama ada pemuda itu berkenan atau tidak dengan puteri beta, akan beta kahwinkan juga,” kata Raja. “Akan tetapi, Anakanda beta bukan berada di sini. Kalau dia dapat menjejaknya, maka dia dapat mengahwininya,” kata Raja itu lagi.</p>	<p>much less will I be able to remove it, Uncle, because I am weak,” said Puamad. “But let’s go. Let me have a look first, because it is bad to not even have a look at it. You might think don’t believe it,” he said.</p> <p>The slaves pointed it out to him, and when he got there, Puamad had a look, and it was truly sealed off, without a hole. Puamad just pried it up with his pinkie finger, throwing it far up into the air way up there, and we don’t know where it came down.</p> <p>Imagine how happy the people were now because that rock had been removed. The people were running into each other trying to go home and tell king. “Uncle, uncle, the rock has been removed,” they said. “The person who removed the stone is truly outstanding. We all tried to show each other up by removing the stone but none of us succeeded. All by himself our friend removed it; he is truly outstanding.</p> <p>“Well, that’s good if it has been removed,” said the King. “Since the words have already escaped my mouth that I will let him marry my daughter, whether my daughter wants him or not, he will marry her in any case,” he said. “But this is the thing, my daughter is not here, if he can retrieve her he will be able to marry her,” he said. “Because I</p>
---	---	---

<p>pomogunan, minangan ku pogontungo,” ka.</p> <p>“Ong ugu nobo dino oy Maman ot keenginan duyu, aaku-i monulak tu ara’at-i ot monulak. Adi, kukuro dot misasawo dot okon-i-ko sitid walay, kukuro gama do misasawo?” ka di Puamad. “Mangan nu ongoyo,” ka dit raja, “ong oongoy nu, naa, tad misasawo konow,” ka. Naa, madaada i Puamad, nga pagka tu kiwaro-i ot kungkung yo, amu-i osusa.</p> <p>Adi, sodoy dîino kabarasan iri, nongo-koodop kiawi om, tungag no i Puamad, “Naar, ong banar-i-ko tinungkusan koh, oy kukungkung, kayo tumulud, sako ad loliyan dat tongondu,” ka. “Ong babanar-i-ko tinungkusan koh, otolunungan nu it tongondu,” ka.</p> <p>Noboros peeri, sôori nee kungkung. Aa-i oloed om sinumako, ngangaam sid walay dit tongondu. Nokotigog nogi it tongondu do mingoodop. “Dess,” ka dit tongondu, “Owowori neenot kusay tu nosuut oku,” ka. Tungag it tongondu om intangay nga i Puamad.</p> <p>“Dii po oy Aka om, nunu o minangan nu siti, nunu ot kalalaga nu siti, nunu ot winayaan nu?” ka dit tongondu. “Minabpanaw nobo. Sagay nakalaga oku siti, minabpanaw,” ka di Puamad. “Adi, iti diti, kada no mikum-ikum tu misasawo kito no,” ka</p>	<p>“Sebab, Anakanda beta itu beta gantungkan di awang-awangan ini,” titah Raja.</p> <p>“Kalau demikianlah keputusan Pakcik, saya tidak menolak, sebab memang tidak baik jika saya menolaknya. Jadi, bagaimana nak berkahwin kalau puteri tiada di istana ini, macamana nak berkahwin?” kata Puamad. “Kau pergi mengambilnya. Kalau kau dapat mengambilnya, kamu terus sahaja berkahwin,” perintah Raja. Puamad berdiam seketika, tapi oleh kerana dia memiliki kulit pusaka itu, dia tidak rasa gentar sedikitpun.</p> <p>Setelah malam menjelang, dan ketika semua orang sudah tidur, Puamad segera bangun, “Kalau memang benar kau adalah pusaka, wahai kulit, mari kita terbang, hinggap di atas bilik khas Tuan Puteri,” kata Puamad, “Kalau memang benar kau kulit pusaka, tentu kau tahu di mana bilik Tuan Puteri itu,” kata Puamad lagi.</p> <p>Asal saja Puamad selesai mengatakan demikian, kulit pusaka itupun terus terbang. Tidak lama kemudian, kulit pusaka itu hinggap di bilik khas Tuan Puteri. Apalagi Tuan Puteri yang sedang beradu, terkejut yang amat sangat. “Alamak,” kata Tuan Puteri, “Hebat sungguh pemuda ini kerana dapat menyusuli beta di sini,” katanya, sambil melihatnya, akan tetapi ia adalah Puamad.</p> <p>“Wahai Kakanda, apa yang Kakanda buat di sini? Bagaimana Kakanda boleh sampai di sini? Kakanda naik apa?” tanya Tuan Puteri. “Jalanlah. Saya dapat datang ke sini, kerana saya berjalan,” jawab Puamad. “Jadi, janganlah cik Adinda malu-malu, kerana kita akan berkahwin,” kata Puamad. “Tiada</p>	<p>suspended her in a palace hanging up in the sky.”</p> <p>“If such is your will, uncle, then I will not reject it, because it would be bad to reject it. So, how do we get married as she is not at home, what method is used to get married?” asked Puamad. “You have to go get her,” said the king. “If you can go get her, then you can get married.” Then Puamad kept quiet, but he wasn’t troubled since he had the magic hide (flying carpet).</p> <p>That night, while everybody was sleeping, Puamad got up. “If you are truly an heirloom piece, o hide, let’s fly, and land in the palace of that girl, he said. “If you are truly an heirloom piece, you will know the way to the girl.”</p> <p>As soon as he had said that, off went the hide. It wasn’t long before it arrived exactly at the palace of the girl. The girl was startled as she was sleeping. “Hey!” said the girl, “That fellow is outstanding because he tracked me down.” The girl got up and looked and it was Puamad.</p> <p>“Brother, what are you doing here, why did you come, and how did you get here?” asked the girl. “I walked. I came here because I was walking,” said Puamad. “So, for this occasion don’t be bashful because we are going to get married,” said Puamad. “Hey, there is nothing wrong with that,</p>
---	---	--

di Puamad. “Ay, asee karaatan dara dino oy Aka, nga okon-i-ko siti kito po misasawo,” ka. “Sôori sid Pulow,” ka. “Ad Pulow kito misasawo,” ka. “Ngaran nopo not Pulow not piasawaan kito nga, Padang Moosar,” ka. “Awasi-i ino,” ka di Puamad, “nga nunu ot wayaan kito?” ka. “Ba, nunu ot winayaan nu siti, sagay nakalaga koh siti, waro winayaan nu,” ka dit tongondu. “O, na pomipirot no,” ka di Puamad, “kayo no, mabpanaw kito no,” ka.

Pomipirot it tongondu, onuwo di Puamad it kungkung, om boroso, “Kayo unkung tumulud, tubpo ad pulow ad Padang Moosar,” ka, nga nu ka leedon. Adi, ka dit ginawo dit tongondu, “Oo, ino bala ot winayaan nu,” ka. Okon-i-ko nunu, mogintong dot nunu ot winayaan, iri ko minangan angatay sid pulow. Neeraranan tu kikiawi asee ot kosuut doo.

